



Bersama
Prof Dr Taufiq
Yap Yun Hin

Islam adalah agama sempurna dan kesempurnaan itu dapat dilihat melalui setiap prinsip yang terkandung dalam ajarannya.

Antara prinsip penting ialah adil atau keadilan. Sebagaimana yang kita tahu, Allah SWT adalah Tuhan yang Maha Adil.

Keadilan ini dapat dilihat apabila Allah menyatakan setiap orang akan dipertanggungjawabkan atas tindakan mereka sendiri pada hari kiamat sebagaimana firman-Nya bermaksud:

“Katakanlah: (Sesudah aku mentauhidkan Allah dan berserah diri kepada-Nya) patutkah aku mencari tuhan selain Allah, padahal Dialah Tuhan bagi tiap-tiap sesuatu?

“Dan tiadalah (kejahanatan) yang diusahakan oleh tiap-tiap seorang melainkan orang itulah saja yang menanggung dosanya. “Dan seseorang yang

boleh memikul tidak akan memikul dosa perbuatan orang lain (bahkan dosa usahanya saja) kemudian kepada Tuhan kamu lalu Dia menerangkan kepada kamu akan apa yang kamu berselisih padanya.” (*Surah al-An'am, ayat 164*)


Setiap orang bertanggungjawab atas segala tindakan mereka kerana mereka mempunyai kebebasan untuk memilih dan kebijaksanaan untuk membezakan antara yang benar dan salah.

Adanya hari pembalasan pula menunjukkan bahawa keadilan mutlak dalam ajaran Islam apabila setiap manusia akan diadili oleh Allah dan akan diberikan ganjaran atau hukuman bagi setiap kebaikan dan kesalahan dilakukan ketika hidup.

Sehebat mana pun manusia lari daripada hukuman ketika di dunia, mereka tetap akan diberi balasan setimpal dengan apa yang pernah mereka

Keadilan dalam Islam tak kira darjat

UNDANG-UNDANG sivil dan syariah menjunjung tinggi keadilan untuk kesejahteraan hidup masyarakat.



lakukan. Ini antara contoh keadilan dalam Islam apabila setiap manusia diberikan pengadilan tanpa sedikit pun berat sebelah.

Indahnya Islam ini apabila keadilan itu tidak dinilai atau dihukum berdasarkan ketinggian darjat keturunan, kekayaan maupun kekuasaan.

Perintah untuk berbuat adil atau menegakkan keadilan adalah pada setiap

tindakan dilakukan, hatta membabitkan anggota keluarga sendiri.

“Wahai orang-orang yang beriman! Hendaklah kamu menjadi orang-orang yang sentiasa menegakkan keadilan, lagi menjadi saksi (yang menerangkan kebenaran) kerana Allah, sekalipun terhadap diri kamu sendiri atau ibu bapa dan kaum kerabat kamu.

“Kalaularah orang (yang didakwa) itu kaya atau

miskin (maka janganlah kamu terhalang daripada menjadi saksi yang memperkatakan kebenaran disebabkan kamu bertimbang rasa) kerana Allah lebih bertimbang rasa kepada kedua-duanya.

“Oleh itu, janganlah kamu turutkan hawa nafsu supaya kamu tidak menyeleweng daripada keadilan. Dan jika kamu memutar-balikkan

keterangan ataupun enggan (daripada menjadi saksi), maka sesungguhnya Allah sentiasa mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan.” (*Surah an-Nisa, ayat 135*)

Islam mengajar bahawa akhirnya kita akan dinilai sejauh mana kita memenuhi tanggungjawab kita berdasarkan kebebasan untuk memilih yang diberikan kepada kita.

Kita akan dinilai oleh Allah, Yang Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana, yang mengetahui dan melihat setiap perkara yang kita lakukan.

Ini menggalakkan masyarakat yang lebih harmoni serta memberikan ketenangan dan kepuasan kepada setiap manusia dengan mengetahui bahawa setiap perbuatan akan dibalas dengan seadil-adilnya.

Penulis ialah Presiden Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA) dan profesor di UPM